

## KEMUSYKILAN BERHUBUNG ISU-ISU QURBAN DAN PUASA ARAFAH

1. Apakah syarat-syarat bagi haiwan qurban?

**Jawapan:**<sup>1</sup> Antara syarat-syarat bagi haiwan qurban ialah:

- 1) Haiwan al-An'am

Ia merupakan haiwan ternakan yang berkaki empat seperti unta, lembu, kambing serta kerbau. Tidak sah qurban jika selain daripada kategori haiwan al-An'am seperti di atas.

- 2) Umur haiwan qurban

Umur binatang qurban mestilah tidak kurang dari satu (1) tahun bagi biri-biri, dua (2) tahun bagi lembu dan kambing serta lima (5) tahun bagi unta.

- 3) Tiada kecacatan

Kecacatan yang dimaksudkan ialah kecacatan yang boleh mengurangkan daging serta yang boleh memudaratkan kesihatan. Termasuklah dalam kategori ini seperti haiwan yang berpenyakit, buta, tempang, terputus telinga, gila atau terlalu kurus.

- 4) Berniat

Disyaratkan berniat ketika hendak menyembelih haiwan qurban. Niat juga merupakan syarat dalam penerimaan sesuatu ibadah. Sekiranya menggunakan wakil maka hendaklah berniat ketika menyerahkan haiwan qurban kepada wakil tersebut untuk disembelih.

Berikut penularan lembu yang dijangkiti dengan penyakit kulit kental (LSD) baru-baru ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah memaklumkan bahawa ternakan yang disembelih hendaklah melalui pemeriksaan veterinar (ante-mortem dan post-mortem) oleh Pemeriksa Daging (Meat Inspector). Oleh itu, mana-mana haiwan yang berpenyakit seperti haiwan yang menghidap penyakit kulit kental (LSD) hendaklah dielakkan dari pelaksanaan ibadah qurban. Hal ini dikiaskan dengan haiwan yang berpenyakit kudis yang boleh merosakkan daging berdasarkan penjelasan dari kitab *al-Mufassal Fi Akhak al-Udhriyyah* pada muka surat 76:

وَالْجَرَباءُ لَا تُحْرَبُ فِي الْأَضْحِيَةِ لِأَنَّ هُنَّا مَرْضًا مَفْسِدًا لِلْحَمْ كَمَا أَنَّ النُّفُوسَ تَعَافَهَا وَهَذَا مَذَهَبُ الْجَمَهُورِ.

Bermaksud: "Penyakit kudis boleh menyebabkan ibadah qurban tidak memadai (tidak sah) kerana ia membawa kerosakan terhadap daging sepetimana

---

<sup>1</sup> Fatani, Muhammad bin Ismail Daud. t.t. *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn*. m.s. 123.

*jiwa yang telah sembah (dari penyakit) dan demikianlah menurut pandangan jumhur mazhab.”*

2. Apakah boleh dilaksanakan ibadah qurban ke atas ahli keluarga yang telah meninggal dunia?

**Jawapan:** Ibadah qurban untuk ahli keluarga yang telah meninggal dunia hanya boleh dilaksanakan sekiranya ia diwasiatkan. Jika dilaksanakan tanpa wasiat maka ibadah qurban tersebut tidak sah.

3. Adakah daging qurban boleh diberi kepada golongan kafir dan apakah hukumnya jika daging qurban tersebut dijual?

**Jawapan:** Di dalam kitab *Matla' al-Badrayn Wa Majma' al-Bahrayn* pada muka surat 124 menyatakan:

1. Daging qurban tidak harus diberi kepada fakir dan miskin dari kalangan zimmi.
2. Haram ke atas fakir-fakir Islam yang mendapat daging qurban secara sedekah atau orang-orang kaya yang mendapatnya secara hadiah, mensedekahkan atau menghadiahkan atau menjualkan sesuatu daripada daging tersebut kepada orang kafir zimmi.

Manakala di dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajiy* jilid pertama pada muka surat 236 menyatakan bahawa penerima daging qurban dari kalangan orang kaya tidak boleh menjual daging tersebut kerana ia sebagai hadiah untuk dimakan. Sementara daging qurban yang disedekahkan kepada fakir miskin telah menjadi hak miliknya dan dia boleh melakukan apa-apa sahaja mengikut kehendaknya. Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8:

لَا يَهِمُّ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يَقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Bermaksud: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

4. Apakah hukumnya pelaksanaan qurban menerusi orang perseorangan, agensi, syarikat atau persatuan?

**Jawapan:** Antara perkara penting yang perlu dilihat ialah akad penyerahan sama ada akad wakalah dengan melantik satu pihak sebagai wakil menguruskan haiwan qurban atau akad hibah (pemberian) sebagai hak milik. Antara contoh bagi akad wakalah adalah seperti berikut:

- i) "Saya Husin bin Sharif bersetuju melantik jawatankuasa masjid/surau sebagai wakil untuk menguruskan 10 ekor lembu sebagai sumbangan 70 bahagian qurban kepada penduduk kampung ini."
- ii) "Saya mewakili Syarikat Muda Murni yang bersetuju melantik jawatankuasa masjid/surau sebagai wakil untuk menguruskan 10 ekor lembu sebagai sumbangan 70 bahagian qurban kepada fakir miskin di kampung ini."

Manakala bagi akad hibah adalah seperti berikut:

- i) "Saya Abdul Karim bin Abdul Hamid bersetuju menyerahkan sumbangan 20 ekor lembu qurban untuk tahun 2021 kepada jawatankuasa masjid/surau untuk diuruskan."
- ii) "Saya mewakili Kementerian Sumber Manusia yang bersetuju menyerahkan sumbangan 30 ekor lembu qurban untuk tahun 2021 kepada jawatankuasa masjid/surau untuk diuruskan."

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh jawatankuasa pelaksana ibadah qurban berhubung isu ini iaitu:

- 1) Pihak jawatankuasa masjid/surau dilarang melakukan perkara lain ke atas haiwan qurban melainkan untuk ibadah qurban sahaja.
  - 2) Pihak jawatankuasa masjid/surau boleh memilih dan memberi keutamaan kepada golongan asnaf fakir miskin atau individu lain bagi mewakili bahagian qurban yang disertai.
  - 3) Pihak jawatankuasa masjid/surau boleh mengenakan kos pengurusan dengan kadar yang berpatutan kepada peserta ibadah qurban yang terpilih.
  - 4) Asnaf fakir miskin atau individu yang terpilih disunatkan mengambil daging qurban tidak melebihi 1/3 daripada bahagian qurban yang disertai.
5. Bagaimakah pengurusan ibadah qurban bagi haiwan qurban yang dihadiahkan oleh individu bukan Islam?

**Jawapan:** Sebarang bentuk pemberian atau sumbangan haiwan qurban sama ada daripada individu mahupun pertubuhan bukan Islam kepada masyarakat Islam untuk tujuan ibadah qurban hendaklah diuruskan seperti yang berikut:

- 1) Haiwan qurban tersebut hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa masjid/surau untuk diuruskan.
- 2) Pihak jawatankuasa yang dilantik perlu memilih asnaf fakir miskin atau individu bagi mewakili bahagian qurban yang disertai.

- 3) Asnaf fakir miskin atau individu yang terpilih disunatkan mengambil daging qurban tidak melebihi 1/3 daripada bahagian qurban yang disertai.
  - 4) Sekiranya perlu, pihak jawatankuasa masjid/surau boleh mengenakan kos pengurusan dengan kadar yang berpatutan kepada peserta ibadah qurban yang terpilih.
6. Apakah hukum jika seseorang yang berhasrat untuk berpuasa sunat Arafah pada 9 Zulhijjah yang berbetulan jatuh pada hari Sabtu?

**Jawapan:** Jumhur ulama dari empat mazhab secara *ittifaq* mengharuskan umat Islam untuk berpuasa sunat Arafah walaupun ia jatuh pada hari Sabtu. Hal ini kerana puasa berkenaan mempunyai sebab yang dibenarkan oleh Syarak berdasarkan dalil umum hadis berkenaan kelebihan berpuasa pada hari Arafah iaitu:

صيام يوم عرفة أحبب على الله أن يكفر السنة التي قبله والسنة التي بعده

Bermaksud: “Berpuasa pada hari Arafah adalah sebagai kaffarah (penghapus) untuk dosa-dosa setahun yang terdahulu dan yang kemudian...”

Riwayat Muslim (1162)

7. Sila jelaskan berhubung waktu mustajab untuk berdoa pada hari Hari Arafah.
- Jawapan:** Waktu mustajab berdoa pada hari Arafah iaitu 9 Zulhijjah adalah meliputi dua golongan iaitu golongan yang menunaikan ibadah haji dan golongan yang tidak menunaikan ibadah haji. Bagi golongan yang menunaikan ibadah haji, mereka akan memanfaatkan amalan berdoa ketika berwukuf di Arafah. Manakala bagi golongan yang tidak menunaikan haji, ia terikat kepada tarikh 9 Zulhijjah tanpa terkait dengan waktu berwukuf di Arafah. Perbezaan ini adalah berdasarkan kaedah penentuan tarikh 9 Zulhijjah antara negara Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi. Sebagai makluman, Malaysia telah menggunakan kaedah *Rukyah* dan *Hisab* berdasarkan *Imkanur Rukyah* yang telah diselaraskan untuk penentuan 1 Ramadan bagi ibadah puasa dan 1 Syawal bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ketetapan ini adalah berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 20 Ogos 1992 menyatakan:

*“Kaedah penetapan Aidil Adha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari Wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini.”*

Manakala Kerajaan Arab Saudi hanya membuat perisytiharan hari Wukuf bagi jemaah Haji di sana. Dalam mazhab Syafie, perbezaan *matla'* atau jarak di antara negara boleh mempengaruhi kenampakan anak bulan. Terdapat sebuah hadis berhubung kenampakan anak bulan di dua kawasan yang

berbeza iaitu Madinah dan Syam oleh dua orang sahabat iaitu Ibnu 'Abbas dan Kuraib:

فَقَالَ: مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ؟ فَقُلْتُ: رَأَيْنَا لَيْلَةَ الْحُمَّةِ، فَقَالَ: أَنْتُ رَأَيْتُهُ؟ فَقُلْتُ: نَعَمْ، وَرَآهُ النَّاسُ، وَصَامُوا  
وَصَامَ مُعَاوِيَةُ، فَقَالَ: لَكِنَّا رَأَيْنَا لَيْلَةَ السَّبْتِ، فَلَا تَرَالْ نَصُومُ حَتَّى تُكْمِلَ ثَلَاثَيْنَ، أَوْ تَرَاهُ، فَقُلْتُ: أَوْلًا  
شَكْنَفِي بُرُؤْيَةً مُعَاوِيَةً وَصِيَامِهِ؟ فَقَالَ: لَا، هَكَذَا أَمْرُنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Bermaksud: "Ibnu 'Abbas bertanya: "Bilakah kamu melihat hilal (anak bulan)? Saya pun menjawab: "Kami melihatnya pada malam Jumaat." Ibnu 'Abbas bertanya lagi: "Adakah engkau sendiri melihatnya?" Saya menjawab: "Ya, orang lain pun melihatnya dan mereka pun berpuasa dan Muawiyah juga berpuasa." Ibnu 'Abbas berkata: "Kami di sini melihat hilal Ramadan pada malam Sabtu dan kami terus berpuasa hingga kami sempurnakan 30 hari atau hingga kami melihat hilal Syawal." Saya pun bertanya: "Tidakkah memadai bagi kamu hilal itu dilihat oleh Muawiyah dan puasanya?" Ibnu 'Abbas menjawab: "Tidak! Beginilah Rasulullah SAW menyuruh kami."

Riwayat Muslim (1087)

Berdasarkan hadis di atas, 'Ibnu 'Abbas tidak terikat dengan keputusan untuk memulakan ibadah puasa seperti mana di Syam. Sebaliknya, beliau berpegang dengan keputusan rukyah hilal di Madinah kerana perbezaan jarak antara dua kawasan yang jauh. Oleh itu, ketetapan awal bulan Zulhijjah yang menatjahkan penentuan sebenar 9 dan 10 Zulhijjah adalah berdasarkan keputusan rukyah di Malaysia. Maka, wajib bagi umat Islam di Malaysia untuk mengikuti keputusan pemerintah dalam penetapan tarikh seperti mana yang disebut dalam kaedah fiqh:

### حكم الحاكم يرفع الخلاف

Bermaksud: "Keputusan yang diambil oleh pemerintah akan mengangkat sebarang khilaf (percanggahan)."